

Jara Rasulullah berdakwah

Oleh MUSTAFA HAJI DAUD 7

12 Rabiul-Awal datang lagi dan perayaan Maulud Nabi untuk memperingati serta menghayati perjuangan dan ajaran Rasulullah s.a.w. sekali lagi diadakan. Kesempatan ini diambil untuk melihat cara Rasulullah s.a.w. berdakwah. Secara ringkas, cara Rasulullah s.a.w. berdakwah terbahagi kepada dua jangka masa, iaitu di Makkah dan di Madinah.

Ketika di Makkah, Rasulullah s.a.w. mempunyai cara yang tersendiri yang boleh disenaraikan seperti berikut:

● Secara rahsia: untuk memalingkan pandangan dan pegangan masyarakat jahiliyah dari menyembah berhala dan berkelakuan keji kepada menyembah Allah s.w.t. dan berakhlak terpuji bukanlah satu perkara yang mudah. Oleh yang demikian, berdakwah secara rahsia dari individu kepada individu yang lain adalah cara pertama yang dilaksanakan oleh baginda. Ia bermula dari ahli rumahnya sendiri dan kemudian kepada anggota sahabat-handai serta seluruh masyarakat. Dakwah ini bermula apabila Rasulullah s.a.w. menerima wahyu yang bermaksud:

"Hai orang yang beresimut! Bangunlah, lalu berilah peringatan dan pakaian bersihkanlah dan perbuatan dosa tinggalkanlah dan janganlah kamu memberi (dengan maksud memperoleh balasan) yang isbih baik." (al-Muddathir: 1-7).

Cara ini telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang dan ramai ahli rumah Rasulullah

s.a.w., iaitu Khadijah binti Khuwailid dan Zaid bin Harithah (anak angkat baginda); keluarganya, iaitu Ali bin Abi Talib, sahabatnya Abu Bakar, Osman bin Affan, Zabair bin Awam, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abi Waqas, Talhah bin Ubaidullah dan lain-lain menyahut seruannya. Mesej yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dalam jangka masa ini adalah berlegar di sekitar tiga perkara, iaitu pentauhidan Allah s.w.t. sebagaimana yang terkandung dalam ayat yang bermaksud:

"Katakanlah: Serulah mereka yang kamu anggap sebagai Tuhan selain daripada Allah, mereka tidak memiliki (kekuasaan) seberat zarah pun di langit dan di bumi dan mereka tidak mempunyai suatu saham pun dalam (penciptaan) langit dan bumi dan sekali-kali tidak ada antara mereka yang menjadi pembantu baginya". (Saba': 22).

Perkara kedua ialah menyeru kepada mempercayai kewujudan hari kebangkitan seperti yang terkandung dalam ayat yang bermaksud:

"Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan sumpahnya yang bersungguh-sungguh: Allah tidak akan membangkitkan orang yang mati. (Tidak demikian), bahkan (pasti) Allah akan membangkitkannya), sebagai suatu janji yang benar dari Allah, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya." (Nahl: 38).

Perkara yang ketiga yang diserukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah menggalakkan umat Islam berakhlak mulia seperti yang terkandung

7-12-84
Bt dalam ayat yang bermaksud:

"Katakanlah: Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Allah iaitu, janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan...." (al-An'am: 151).

● Berterus terang: Titik permulaan dakwah Islamiah secara terus terang dan terbuka kepada umum bermula apabila baginda menerima wahyu yang bermaksud: "Maka sampaikanlah olehmu secara terus terang segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang yang musyrik." (al-Hijr: 94).

Wahyu

Sebaik-baik sahaja Rasulullah s.a.w. menerima arahan ini, baginda meminta orang-orang musyrik berhimpun di Bukit Safa dan baginda menyampaikan dakwahnya dengan mengajak mereka memeluk Islam dan meninggalkan penyembahan berhala. Ada antara mereka yang didakwah itu yang memeluk Islam dan ada pula yang menyanggahnya, terutama Abu Lahab yang telah memaki Rasulullah s.a.w. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

"Binasalah kedua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya dia akan binasa. Tidakkah berfae-

dah kepadanya harta benda dan apa yang diusahakan." (al-Lahab: 1-2).

Oleh kerana kaum kerabat Rasulullah s.a.w. kebanyakannya belum memeluk Islam, maka sudah sewajarnya Rasulullah s.a.w. bertanggungjawab khusus menyeru mereka supaya berbuat demikian. Hal ini telah diperingatkan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

"Dan berilah peringatan kepada kerabatmu yang terdekat, dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mendekatimu, iaitu orang-orang yang beriman. Jika mereka menolima maka katakanlah 'sesungguhnya aku tidak bertanggungjawab terhadap apa yang kamu kerjakan.'" (al-Syu'ara': 214).

Langkah yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. ialah mengumpulkan mereka dalam beberapa majlis di rumah baginda dan secara terus terang menjelaskan kepalsuan berhala yang disembah kerana tidak dapat memberikan apa-apa faedah kepada kehidupan mereka. Rasulullah s.a.w. seterusnya menerangkan tugasnya yang membawa risalah Allah s.w.t. untuk menghapuskan segala kesyirikan dan mengeluarkan mereka dari zaman kegelapan serta kesesatan kepada zaman tauhid dan kebenaran. Ramai antara keluarga Rasulullah s.a.w. yang memeluk Islam melalui majlis serupa itu. Ada pula yang mengejek dan memper-

main-mainkan Rasulullah s.a.w.

Ketika Rasulullah s.a.w. berdakwah, baginda menghuraikan pengajaran pokok Islam seperti yang terkandung dalam Rukun Iman yang enam, yang diserap dan disemaikan sedalam yang mungkin ke hati sanubari mereka yang didakwah. Biasanya Rasulullah s.a.w. memulakan dakwah dengan ucapan pujian kepada Allah s.w.t. dan lafaz syahadah. Selepas itu, barulah Rasulullah membincangkan tajuk yang khusus. Di akhir dakwahnya baginda mengucapkan istighfar, iaitu memohon ampun dari Allah s.w.t.

Mukjizat

● Cara mukjizat: Al-Quran itu sendiri sebenarnya adalah sebesar-besar mukjizat yang turut melicinkan dakwah Rasulullah s.a.w., di samping mukjizat-mukjizat yang lain. Bukan sahaja orang musyrikin, bahkan ahli al-kitab juga ada yang memeluk Islam kerana terdengar ketinggian mutu al-Quran, misalnya peristiwa Umar bin al-Khatab memeluk Islam. Begitu juga halnya dengan Zubir bin Mut'im yang memeluk Islam melalui cara ini, yang telah menceritakan bagaimana takjubnya beliau apabila mendengar Rasulullah s.a.w. membaca ayat yang bermaksud:

"Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatu pun, ataukah mereka yang menciptakan (diri

mereka sendiri)." (ath Thuur: 35).

Malah, ketua-ketua kaum juga turut menerima kebenaran Islam melalui cara ini. Antara mereka ialah ketua Kabilah Dausey yang bernama Tafil Amru al-Dausey yang pergi mengerjakan haji di Makkah. Sebelum beliau pergi ke Makkah, beliau bersumpah tidak akan bertemu Rasulullah s.a.w. atau memeluk Islam. Tetapi, secara kebetulan beliau terdengar Rasulullah s.a.w. membaca al-Quran. Beliau adalah seorang penyair jahiliyah yang termasyhur. Tetapi, setelah beliau mendengar bacaan al-Quran, beliau kagum dengan ketinggian mutu ayat itu. Pada penilaiannya, ia bukan ciptaan manusia. Sebab itulah beliau terus bertemu Rasulullah s.a.w. dan beriman dengan Allah s.w.t.

Mengenai ketinggian mutu kesusasteraan al-Quran telah diperjelaskan oleh Allah s.w.t. yang tidak dapat dicipta oleh manusia atau jin, walaupun mereka bantu-membantu antara satu sama lain seperti mana firman-Nya yang bermaksud:

"Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan Dia, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu sebahagian yang lain." (al Isra': 88).

Pemelukan Islam secara beramai-ramai juga berlaku apabila ahli al-

kitab yang berjumlah 70 orang menziarahi Rasulullah s.a.w. Mereka mengetahui kedatangan Rasulullah s.a.w. melalui kitab Injil yang mereka baca. Oleh yang demikian, pemelukannya kepada Islam bukan sahaja disebabkan oleh pengetahuan mereka mengenai kebenaran Rasulullah s.a.w., tetapi juga disebabkan oleh mukjizat al-Quran yang dibacakan kepada mereka. Peristiwa pemelukannya secara beramai-ramai ini telah diratamkan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

"Orang-orang yang telah Kami datangkan kepada mereka al-kitab sebelumnya al-Quran, mereka beriman (pula) dengan al-Quran ini." (al Qasas: 52).

Teladan

● Surat-menyurat: Apabila Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah, cara dakwah yang dijalankan oleh baginda agak berbeza sedikit. Ini disebabkan Islam di Madinah telah berjaya membentuk sebuah negara yang berdaulat dan berwibawa yang tidak boleh diganggu-gugat. Di samping cara-cara dakwah yang dijalankan di Makkah, baginda juga memperkenalkan cara baru, iaitu dengan menggunakan surat.

Pada mulanya surat-surat itu dihantar kepada raja-raja di Semenanjung Tanah Arab sahaja yang dibawa oleh perajurit Islam. Antara mereka ialah Raja Hira-

qal di Syam, Raja Hiraq yang bernama Haris al-Ghassani, Raja Yaman yang bernama Haris al-Himyari, Raja Oman yang bernama al-Janaidi dan Raja Bahrain yang bernama Munzir. Selepas itu, baginda juga menghantar surat kepada raja-raja yang tinggal di dunia ketika itu, iaitu Rom dan Parsi. Walaupun utusan itu kurang dihargai dan dihiraukan, Rasulullah s.w.t. tetap tidak berputus asa dan menyerahkannya kepada Allah s.w.t.

● Uswah hasanah: Akhlak Rasulullah s.a.w. adalah akhlak al-Quran. Sebab itulah segala perkataan dan perbuatannya adalah contoh teladan yang terbaik (uswah hasanah). Sekaligus ia menjadi daya tarikan yang amat kuat bagi menarik orang bukan Islam memeluk Islam. Walaupun baginda menjadi ketua negara Islam, ketua panglima perang, ketua pentadbir dan sebagainya tetapi akhlak baginda sungguh mulia dan berbeza sama sekali dengan tingkah laku raja-raja lain yang seraman dengannya. Sebab itulah ramai rakyat dari negara-negara lain yang menziarahi Rasulullah s.a.w. memeluk Islam kerana layanan baik dan sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh baginda. Ramai musuh memeluk Islam apabila berhadapan dengan ketinggian budi pekerti baginda.

Semoga cara dakwah yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dijadikan contoh dan teladan oleh pendakwah kini.